

Gimik Pas hanya berkesan bagi ahlinya — Hishamuddin

UM 9 APR 2002

KUALA LUMPUR 8 April — Gimik politik Pas yang mempertikaikan kredibiliti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri hanya berkesan ke atas ahli parti itu yang tertutup minda dan tidak mengikuti perkembangan semasa.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Hussein berkata, dakyah seperti itu bukan sesuatu yang luar biasa dilakukan oleh Pas.

Beliau berkata, sebelum ini Pas telah menyerang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan pelbagai gelaran semata-mata untuk menanam kebencian di kalangan rakyat.

Kali ini pula, jelas beliau, Pas cuba menggunakan taktik yang sama untuk menyerang Abdullah.

“Saya yakin ahli Pas

yang bijak sekali pun akan berasa was-was dengan analisis yang dikeluarkan oleh lidah rasmi Pas, *Harakah* kerana kredibilitinya boleh dipertikalkan.

“Pemuda UMNO dan rakyat Malaysia amnya, tidak mudah diperdayakan dengan gimik politik Pas ini,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Bancian

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan Pas yang mengadakan bancian pendapat dalam *Harakah*, melalui edisi Intemetnya mengenai siapa paling layak menjadi Perdana menteri selepas Dr. Mahathir.

Keputusan bancian itu merujuk Abdullah di tempat ketiga selepas dua Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak

dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Hishammuddin menegaskan, Pemuda menyokong penuh saranan Najib supaya semua pihak terutamanya ahli UMNO menyokong Abdullah sebagai pengganti Dr. Mahathir apabila beliau berundur kelak.

Katanya, Pemuda yakin peralihan kepimpinan yang teratur dan usaha mengekalkan kestabilan parti penting untuk memperkasakan UMNO dalam mempejuangkan kebajikan dan hak bangsa Melayu.

Beliau berharap rakyat tidak akan terpengaruh dengan dakyah Pas itu.

“Apa bezanya Pas dengan Parti Keadilan yang sanggup menghalalkan segala macam cara demi untuk mencapai matlamat politik mereka,” katanya.